

Headline	Hutan dalam almari		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	20	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	522 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,412
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,236



'Hutan' dalam almari

TERSIMPAN rapi tanpa diancam pereputan, herbarium Institusi Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menempatkan kira-kira 350,000 spesimen tumbuhan yang menjadikannya antara koleksi terbesar di rantau ini.

Herbarium merupakan pusat pengumpulan spesies tumbuhan yang dikering, diawet dan dikatalogkan dengan maklumat terperinci.

Tanggungjawab menyimpan dan mendokumentasi spesimen itu merupakan sebahagian daripada peranan yang dipikul FRIM sejak 1968.

Pada masa kini, koleksi artifak di herbarium itu termasuk 4,000 spesimen yang disimpan di dalam cecair spirit.

Ketua Program Biodiversiti Flora Bahagian Biodiversiti Hutan, Dr. Richard Chung berkata, herbarium berfungsi sebagai pusat rujukan yang menyediakan akses dan maklumat mengenai spesimen.

Beliau berkata, kewujudannya penting sebagai pusat penyelidikan biodiversiti tumbuhan, selain menyediakan bukti asal-usul sesuatu spesies.

"Fungsi herbarium sama seperti perpustakaan. Ia penting dalam penyelidikan ekologi, inventori, pertanian, pengurusan hutan dan pengecaman," katanya kepada *S2*, baru-baru ini.

Richard selaku Pegawai Penyelidik Kanan di bahagian itu berkata, sejarah pengumpulan spesimen di negara ini sebenarnya bermula seawal tahun 1915 di Taiping, Perak.

"Sebelum pembinaan herbarium FRIM di Kepong, kita mempunyai sebuah herbarium di Taiping. Tetapi selepas Perang Dunia Kedua, ia dipindahkan ke Singapura.

"Apabila Singapura berpisah dengan Malaysia, simpanan itu kekal di sana. Ia satu 'kehilangan' yang sangat besar," katanya.

Pada peringkat awal katanya, fokus utama pengumpulan artifak dan dokumentasi herbarium di negara ini melibatkan tumbuhan berkayu daripada jenis balak untuk memenuhi kehendak industri.

Katanya, menyedari keperluan sebuah herbarium yang lengkap, kerajaan mengangkat herbarium FRIM sebagai Herbarium Kebangsaan Malaysia.

Menceritakan secara ringkas proses penghasilan spesimen, Richard berkata, setiap spesies yang dikutip di lapangan akan dikeringkan di dalam ketuhar sebelum disejukkan, direndam di dalam larutan spirit dan disimpan.

"Bagi memastikan spesimen menepati kehendak sains, ciri-ciri penting pada sesuatu tumbuhan harus dipelihara dan dikedalkan.

Selepas proses pengawetan spesimen, setiap artifak akan dilampirkan bersama maklumat penting seperti jenis spesies, lokasi dan koordinat ditemui, nama penyelidik, warna dan saiz.

Proses seterusnya adalah penyimpanan spesimen ke dalam almari yang direka khas untuk memastikan artifak itu bebas

daripada ancaman kemusnahan.

"Penyimpanan spesimen juga merupakan proses yang kritikal dan perlu dilakukan secara sistematik bagi membolehkannya dicari semula apabila diperlukan," jelasnya.

Richard berkata, selain disimpan dalam bentuk fizikal, penyimpanan setiap spesimen turut direkod secara berkomputer menggunakan perisian khas iaitu Sistem Pengurusan Herbarium dan Penyelidikan Botani (Brahms) yang

membolehkan rujukan dilakukan secara dalam talian.

"Sehingga kini, herbarium FRIM sudah memasukkan dan mengemaskini lebih daripada 20,000 koleksi ke pangkalan data Brahms.

"Kita jangka dalam masa lima tahun lagi, proses pengumpulan ini akan selesai," katanya.

Richard berkata, selain menghasilkan artifak untuk koleksi herbarium FRIM, setiap spesimen akan dihasilkan sebanyak tujuh salinan untuk dihantar ke herbarium-herbarium yang menjalinkan kerjasama dengan herbarium FRIM.

Antaranya adalah herbarium Kuching, Sandakan, Royal Botanic Gardens Kew (United Kingdom), Herbarium Kebangsaan Leiden (Belanda), Arnold Arboretum (AS), Herbarium Tropika Australia dan Taman Botanical Singapura.

"Selain untuk tujuan perkongsian, ia juga menjadi salinan pendua untuk tujuan keselamatan," katanya.

Headline	Hutan dalam almari		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	20	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	522 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,412
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,236



RICHARD CHUNG menunjukkan koleksi spesimen di herbarium FRIM.

Headline	Hutan dalam almari		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	20	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	522 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,412
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,236

info



FRIM

- » Diasaskan saintis perhutanan Inggeris, Dr. F. W. Foxworthy pada 1929.
- » Dikenali sebagai Institut Penyelidikan Perhutanan (IPP) sehingga 1985.
- » Dikenali Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) selepas dijadikan badan berkanun pada tahun 1985.
- » Keluasan 544 hektar.
- » **Ketua Pengarah**
 - Tan Sri Dr. Salleh Nor (1985 hingga 1995)
 - Dr. Abd Razak Mohd Ali (1995 hingga 2008)
 - Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod (2008 hingga sekarang)
- » Merangkul 20 sijil pengiktirafan Rekod Nasional daripada Malaysia Book of Records (MBR) antaranya;
 - » Denai mesra orang kurang upaya pertama.
 - » Makmal Perlindungan api pertama.
 - » Teknologi pencapjarian DNA untuk pengesanan balak.
 - » Koleksi sampel kayu yang tertua.
 - » Koleksi sampel kayu yang terbesar.
 - » Rotan manau terpanjang iaitu 120 meter dan berusia lebih 30 tahun.

Tarikan pelancong

- Denai hutan
- Tapak perkhemahan
- Hutan paya bakau
- Air terjun
- Lalan kanopi
- Arboretum
- Taman botani

Kemudahan asas

- Masjid
- Sekolah Kebangsaan Kepong (FRIM)
- Sekolah Menengah Agama Rakyat FRIM.